

KEBERKESANAN PENDEKATAN AUTENTIK DALAM MENINGKATKAN TAHAP PENULISAN KARANGAN PELAJAR

The Effectiveness of Authentic Approach in Improving on Students' Essay Writing

Zulkifli Osman
zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Anida Sarudin
anida@fbk.upsi.edu.my

Dahlia Janan
Dahlia@fbk.upsi.edu.my

Ani Omar
Ani.omar@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Fokus kajian ini ialah menyiasat keberkesanannya pendekatan pengajaran Bahasa Melayu secara autentik terhadap penulisan karangan pelajar. Pendekatan autentik yang digunakan dalam kajian ini disandarkan model pengajaran dan pembelajaran autentik Zemelmen dan rakan-rakan (2005). Kajian kuasi eksperimen yang melibatkan dua kelas Tingkatan Dua yang setara, iaitu kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen digunakan. Kumpulan kawalan menjalani aktiviti PdP karangan secara konvensional, manakala kumpulan rawatan mengikuti aktiviti PdP melalui pendekatan autentik. Ujian pra, ujian pasca, dan soal selidik digunakan. Ujian pra dan ujian pasca dijalankan bagi mendapatkan data tentang keberkesanannya pendekatan autentik meningkatkan skor karangan pelajar. Dapatkan kajian mendapat gred karangan pelajar dapat ditingkatkan setelah mengikuti pendekatan autentik ini. Dapatkan kajian juga mendapat pendekatan ini dapat meningkatkan skor min karangan dalam ujian pasca secara signifikan. Dapatkan kajian turut menunjukkan bahawa skor min dalam ujian pasca bagi kumpulan kawalan lebih rendah berbanding dengan skor min dalam ujian yang sama bagi kumpulan rawatan. Dapatkan kajian menunjukkan penggunaan bahan, aktiviti dan penilaian autentik dapat meningkatkan tahap karangan pelajar.

Kata Kunci Pendekatan autentik; penulisan karangan; kecekapan berbahasa

ABSTRACT

The focus of this study was to investigate the effectiveness of the authentic approach in essay writing in the teaching of the Malay language. The authentic approach used in this study is based on the Zemelmen et. al. model of authentic teaching and learning (2005). The quasi-experimental design, involves two form two classes of equal ability which were assigned as the control group and the experimental group. The control group underwent conventional essay writing activities, whereas the treatment group followed the authentic approach in the teaching and learning activities. Pre-tests, post-tests, and questionnaires were used. Pretests and post-tests were conducted to obtain data on the effectiveness of the authentic approach to improve students' essay writing scores. The results showed that students' essays grade were improved after following this authentic approach. The study also found that this approach increased the mean scores in post-test essay significantly. The findings also showed that the mean score in the post-test for the control group was lower than the mean score on the same test for the treatment group. The overall findings showed that use of materials, activities and authentic assessment can improve student writing.

Keyword Authentic approach; essay writing; language proficiency

PENDAHULUAN

Proses pembelajaran autentik merupakan salah satu ciri amalan terbaik pengajaran. Pembelajaran autentik menggalakkan suasana pembelajaran yang sebenar dan memberi peluang kepada murid untuk terlibat secara langsung dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di dalam mahupun di luar bilik darjah. Situasi pembelajaran seperti ini sangat penting kerana menurut Piaget (1974), bagi mendapatkan hasil pembelajaran yang bermakna, murid hendaklah diberi peluang belajar dalam suasana yang sebenar. Brown (2001) juga berpendapat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa akan menjadi lebih bermakna jika dijalankan dalam konteks yang sebenar. Brown (2001) turut menambah bahawa bahan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa hendaklah berdasarkan kepada konteks dan suasana kehidupan yang sebenar.

Dalam hal ini, *Kurikulum Bahasa Melayu Bersepadu Sekolah Menengah (2002)* dan *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025* turut memberi penekanan terhadap pembelajaran melalui aktiviti dan bahan autentik. Antara lain, kurikulum Bahasa Melayu menyarankan agar:

Pembelajaran hendaklah mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkret, serta melibatkan latih amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkaitkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

(*Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 2*, hlm. 4)

PPPM 2013-2025 juga memberi penekanan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara kontekstual melalui bahan, aktiviti dan penilaian autentik. PPPM 2013-2025 menyatakan bahawa:

Tumpuan pentaksiran bukan pada kandungan kurikulum tetapi keupayaan murid mengaplikasi pengetahuan dalam kehidupan sebenar.

Hal ini menunjukkan bahawa proses PdP Bahasa Melayu memberi penekanan yang tinggi terhadap pengaplikasian pendekatan autentik dalam pengajaran Bahasa Melayu. Oleh sebab itu, kajian ini akan meneroka keberkesan pendekatan autentik dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan pelajar.

Pendekatan Autentik

Pendekatan autentik melihat bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) hendaklah melibatkan prinsip yang berikut, iaitu suasana yang sebenar (*real*), berpusatkan murid, pembelajaran aktif, pembelajaran kontekstual dan melibatkan pembelajaran aras tinggi.

Pembelajaran Melalui Suasana yang Sebenar

Pembelajaran hendaklah berlaku dalam suasana yang *real*, iaitu tidak terpisah dari dunia sebenar. Memberi fokus terhadap dunia sebenar melalui pembelajaran berasaskan masalah yang realiti, mempraktikkan pembelajaran melalui teknik main peranan, aktiviti berasaskan masalah, kajian kes, inkuiri, dan penglibatan pelajar dalam komuniti atau masyarakat.

Menurut Zemelman dan rakan-rakan (2005) lagi, tujuannya ialah untuk menjadikan suasana pembelajaran menjadi lebih realiti, sesuai dengan konsep ‘*make it real*’ yang mereka ketengahkan. Dengan kata lain, aliran ini berpendapat, terdapat dua pendekatan yang boleh diambil bagi menjadikan suasana pembelajaran lebih *real*, iaitu:

- i. Membawa ‘dunia’ ke dalam bilik darjah, atau
- ii. Membawa murid ke ‘dunia’ luar.

Hal ini bermakna, proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah tidak boleh dipisahkan daripada realiti dunia luar. Aliran pengajaran dan pembelajaran melalui pengalaman murid yang autentik ini merupakan trend terkini dalam dunia pendidikan. Zemelman dan rakan-rakan (2005) menjelaskan bahawa bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang autentik, panduan yang berikut (lihat Jadual 1) boleh digunakan, iaitu:

Jadual 1 Panduan Melaksanakan Pembelajaran Autentik

Di Dalam Bilik Darjah	Di Luar Bilik Darjah
<ol style="list-style-type: none"> 1. Gunakan bahan yang boleh dipegang, disentuh, artifak, dan bahan yang sebenar di mana-mana yang boleh. 2. Utamakan pembelajaran yang bersifat <i>learn-by-doing</i> berbanding dengan pembelajaran yang bersifat <i>learn-by-sitting</i> (atau diam dan dengar sahaja). 3. Ikuti berita dan isu semasa dan hubungkan isu tersebut dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. 4. Adunkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan kecerdasan pelbagai dan gaya pembelajaran murid. 5. Gunakan bahan sebenar seperti surat khabar dan sebagainya sebagai bahan pembelajaran berbanding buku teks atau buku yang disediakan oleh penerbit. 6. Gunakan sumber terdekat atau sumber utama (tidak menggunakan buku teks semata-mata) khususnya bagi mengajarkan sejarah setempat dan sebagainya. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berikan murid tugas yang memerlukan bantuan dan sokongan keluarga dan komunitinya. 2. Adakan lawatan atau libatkan ahli dalam bidang tertentu (misalnya ahli bomba) bagi memberi peluang mendapat maklumat secara dekat dan langsung. 3. Libatkan murid kepada isu semasa dan setempat melalui program yang diadakan oleh komuniti setempat. 4. Libatkan aktiviti yang melibatkan masyarakat. 5. Perbanyakkan aktiviti pendidikan luar. 6. Galakkan murid mendapatkan maklumat secara langsung dengan menggunakan temu bual, pemerhatian dan catatan lapangan. Undang murid untuk memberi cadangan, rancangan dan menilai sesuatu projek setempat. Kongsi tugas murid dengan ibu bapa dan keluarga mereka sendiri melalui pelbagai saluran. Paparkan tugas murid di khalayak.

Dalam menyokong pembelajaran melalui dunia sebenar, Lombardi (2007) menyarankan beberapa pendekatan, antaranya ialah pembelajaran berasaskan masalah yang realiti, kajian kes, mengaplikasikan teknik main peranan, dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam komuniti atau masyarakat. Ini bermakna, pembelajaran autentik memberi fokus kepada persekitaran pembelajaran yang seboleh mungkin menyerupai dunia sebenar.

Dalam melaksanakan pembelajaran autentik ini, Lombardi (2007) menyarankan agar:

- i. Proses pembelajaran hendaklah relevan dengan dunia sebenar: Maknanya, aktiviti pembelajaran autentik hendaklah seboleh mungkin seakan-akan serupa dengan amalan yang berlaku dalam dunia sebenar.
- ii. Pelajar diberi peluang untuk menyelesaikan tugas yang diberi berdasarkan interpretasi masing-masing.
- iii. Tugasan yang diberi tidak semestinya boleh dihabiskan dalam masa tertentu. Tugasan autentik boleh merangkumi tugas yang rumit yang memerlukan pelajar menyelesaikan tugas tersebut dalam masa yang panjang, melibatkan penyiasatan dan sumber intelektual.
- iv. Pembelajaran autentik menyediakan peluang kepada pelajar untuk menyelesaikan tugas berdasarkan pelbagai perspektif daripada pelbagai sumber.
- v. Aktiviti pembelajaran autentik menggalakkan pembelajaran secara kolaborasi.
- vi. Pembelajaran autentik membolehkan pelajar membuat pilihan dan refleksi terhadap proses pembelajaran mereka, sama ada secara individu mahu pun secara pasukan atau komuniti.

- vii. Aktiviti autentik menggalakkan pelajar menghargai peranan yang pelbagai dan boleh menerima pelbagai prinsip kehidupan.
- viii. Penilaian bukanlah yang bersifat sumatif semata-mata, tetapi menekankan kepada proses pelajar menyelesaikan tugas yang diberi bersandarkan masalah yang relevan dengan dunia sebenar.
- ix. Pembelajaran autentik tidak memberi penekanan semata-mata kepada keupayaan pelajar membuat latihan atau sebagainya, namun kemampuan pelajar juga diukur daripada keupayaan mereka menghasilkan sesuatu yang boleh digunakan dalam menyelesaikan masalah dunia sebenar.
- x. Berbanding dengan pembelajaran konvensional yang mengutamakan satu jawapan yang betul sahaja, aktiviti autentik membenarkan pelajar membuat interpretasi yang pelbagai.

Berpusatkan Murid

Pendekatan autentik turut memberi penekanan terhadap pembelajaran yang berpusatkan murid. Dalam hal ini, Herrington dan Herrington (2007) menyatakan bahawa pembelajaran yang berpusatkan murid menimbulkan kesan yang baik terhadap kualiti pembelajaran murid. Di samping itu, Donavan, Bransford, dan Pellegrino (1999) dan Newmann, Secada, dan Wehlage (1995) senada dengan pandangan Herrington dan Herrington (2007). Menurut mereka, bagi mencapai pembelajaran bahasa secara autentik, perkara yang berikut perlu diambil kira, iaitu:

- i. Pembelajaran berfokus kepada tugas autentik
- ii. Pelajar melibatkan diri dalam eksplorasi dan inkuiri
- iii. Pembelajaran melibatkan interdisiplin
- iv. Pembelajaran berhubung rapat dengan dunia nyata dan tidak dikongkong oleh bilik darjah sahaja
- v. Pelajar dilibatkan dalam tugas yang mencabar dan kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis, mensintesis, mereka bentuk, memanipulasi, dan membuat penilaian.
- vi. Pelajar menghasilkan produk dan boleh berkongsi produk tersebut dengan masyarakat sekitarnya.
- vii. Proses pembelajaran melibatkan minat dan keupayaan pelajar sendiri dengan galakan guru, ibu bapa dan pakar secara langsung.
- viii. Pelajar mengaplikasikan teknik *scaffolding*.
- ix. Pelajar berpeluang untuk terlibat dalam wacana sosial.

Pembelajaran Aktif, Kontekstual dan Realistik

Dalam hal ini, Muijs dan Renolds (2011: 79), menjelaskan bahawa pembelajaran yang bermakna boleh berlaku apabila pelajar boleh membina pengetahuan mereka melalui proses pembelajaran yang berikut, iaitu proses yang aktif, melibatkan pencarian makna, melibatkan konstruk sosial, pengetahuan yang mencukupi dalam kalangan guru, disampaikan secara kontekstual, menggunakan bahan yang berkesan dan menyediakan persekitaran pembelajaran yang realistik dan autentik.

Berdasarkan perbincangan di atas jelas bahawa terdapat beberapa prinsip atau model yang menjadi tunggak kepada pembelajaran autentik ini. Antara prinsip yang mendasari pembelajaran autentik ialah pembelajaran autentik memberi fokus kepada proses pembelajaran yang melibatkan realiti dunia sebenar. Ini bermaksud, pembelajaran ini memberi penekanan kepada aktiviti, bahan dan penilaian yang menyerupai dunia sebenar, bersifat realistik dan autentik. Pembelajaran ini juga menggalakkan pelajar melibatkan diri dengan komuniti atau persekitarannya dalam setiap aktiviti pembelajaran di mana-mana yang sesuai. Pembelajaran ini juga turut memberi penekanan terhadap pembelajaran yang aktif dan melibatkan proses inkuiri. Rajah 1 menunjukkan prinsip pendekatan autentik ini.



Rajah 1 Prinsip Pengajaran Bahasa Berdasarkan Pendekatan Autentik

OBJEKTIF KAJIAN

Tiga objektif kajian ini ialah:

1. Mengkaji tahap penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua secara keseluruhan.
2. Menyiasat sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan kawalan.
3. Menyiasat sama ada terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penulisan karangan pelajar tingkatan dua bagi kumpulan kawalan dan eksperimen selepas pendekatan pengajaran secara autentik dilaksanakan.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua secara keseluruhan?

Hipotesis Alternatif

1. Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan kawalan.
2. Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan kawalan dan eksperimen selepas pendekatan pengajaran secara autentik dilaksanakan.
3. Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan eksperimen selepas pendekatan pengajaran secara autentik dilaksanakan.

SOROTAN KAJIAN LALU

Berdasarkan keunikan model pembelajaran autentik ini, pengkaji berpendapat, kajian keberkesanan model ini terhadap proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu perlu dijalankan. Hal ini kerana, kajian-kajian lalu turut membuktikan bahawa model pembelajaran autentik dapat meningkatkan motivasi dan kemahiran berbahasa pelajar, khususnya bahasa asing. Kajian-kajian yang dilakukan Zulkifli Osman (2013a), Zulkifli Osman (2013b), Mary Tan Mun Yee (2012) dan Akira (2013) misalnya mendapatkan pembelajaran autentik dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian murid. Malah kajian Hazrati, Rosseni, Aidah, Helmi dan Analisa (2013) turut mendapatkan pembelajaran autentik dapat meningkatkan kreativiti pelajar. Dari aspek kemahiran literasi pula, kajian Ghaderpanahi (2012), Mousavi (2012) dan Homaei (2014) mendapatkan pembelajaran autentik dapat meningkatkan kemahiran mendengar. Di samping itu, kajian Esfahandari (2014) dan Klipfel (2014), Guo (2012), dan Yunus (2012) mendapatkan pembelajaran autentik dapat meningkatkan kemahiran kefahaman dan membaca. Malah kajian Zoghi, Zardah, dan Kazemi (2014), dan Ghanbari (2015) mendapatkan pembelajaran ini turut meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar. Kajian Grim (2010), Gilmore (2007), Hussain Raja (2015) dan Abrams dan Gerber (2013) pula mendapatkan bahan autentik sesuai digunakan dalam pengajaran bahasa kedua. Kesimpulannya, model pembelajaran autentik ini berupaya meningkatkan keupayaan berbahasa pelajar dan seterusnya wajar diuji keberkesanannya dalam pembelajaran Bahasa Melayu pula. Oleh sebab itu, kajian ini akan cuba menerapkan model pembelajaran autentik dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu di bilik darjah. Kesimpulannya, kajian lalu menunjukkan bahawa pendekatan ini dapat meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar di samping dapat menarik minat mereka untuk terus belajar bahasa.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian

Kajian ini bersifat kuasi eksperimental. Dalam kajian ini dua kumpulan kelas Tingkatan Dua yang pencapaian akademiknya hampir sama dilibatkan dalam kajian ini. Kedua-dua kumpulan ini merupakan kumpulan sedia ada (*intact group*) di sekolah yang dipilih dalam kajian ini. Kumpulan 1 diajar berdasarkan pendekatan konvensional, manakala kumpulan 2 diberi rawatan. Dalam kajian ini rawatan bermaksud pelaksanaan pengajaran kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu berdasarkan pendekatan autentik. Rajah 3.1 menunjukkan reka bentuk kajian ini.



Rajah 2 Reka bentuk kajian

Sampel Kajian

Dua kelas Tingkatan Dua (*intact group*) dua buah sekolah menengah harian dilibatkan dalam kajian ini. pemilihan kelas dilakukan berdasarkan bantuan pihak pentadbir sekolah berdasarkan kriteria yang ditetapkan, iaitu:

- i. Kedua-dua kelas berpencapaian sederhana. Kedua-dua kelas ini merupakan kelas yang secara purata pelajarnya mendapat kepujian Bahasa Melayu dalam Peperiksaan Akhir Tahun.
- ii. Kedua-dua kelas mempunyai bilangan murid yang hampir sama.
- iii. Kedua-dua kelas terdiri daripada taburan murid yang pelbagai jantina dan kaum.

Bilangan pelajar bagi kelas kawalan ialah 30 orang, manakala bilangan pelajar bagi kelas eksperimen ialah 32 orang.

Instrumen

Dua instrumen digunakan dalam kajian ini, iaitu ujian pra, ujian pasca, dan modul pengajaran karangan Bahasa Melayu secara autentik.

Ujian Pra dan Ujian Pasca

Bagi mendapatkan data tentang keberkesanan pendekatan autentik dalam pengajaran kemahiran menulis Bahasa Melayu, ujian pra dan ujian pasca digunakan. Ujian pra ditadbirkan kepada kedua-dua kumpulan, iaitu kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan. Min daripada ujian pra dan ujian pasca digunakan bagi:

- i. melihat gred karangan murid secara keseluruhan sebelum dan selepas aktiviti pengajaran dijalankan
- ii. melihat perbezaan pencapaian yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan dan rawatan.

Bagi mendapatkan data keberkesanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran karangan terhadap skor karangan dalam ujian pra dan pasca, setiap karangan pelajar bagi kedua-dua kumpulan ditanda berdasarkan skor yang ditetapkan dalam Skema Penandaan Karangan PT3. Skor tersebut ialah:

Peringkat	Markah
Cemerlang	25-30
Kepujian	20-24
Baik	13-19
Memuaskan	6-12
Penguasaan Minimum	1-5

Dari aspek kriteria penilaian karangan pula, tiga aspek diambil kira, iaitu bahasa, idea dan pengolahan. Aspek bahasa merangkumi aspek kegramatisan kata dan ayat, ejaan dan tanda baca, dan kosa kata. Aspek idea pula merangkumi aspek isi, huraihan isi, dan contoh yang diberi. Manakala aspek pengolahan pula merangkumi aspek pengolahan, pemerengganan, format, dan unsur keindahan bahasa. Namun, dalam kajian ini, pengkaji hanya mengambil kira skor idea karangan sahaja. Skor idea karangan dinilai dari aspek kuantiti dan kualiti isi yang dikemukakan, khususnya dari aspek ketepatan huraihan isi dan kesesuaian contohan yang diberi dalam karangan mereka.

Skema bagi pemberian skor idea karangan pelajar ialah:

Peringkat	Markah	Deskripsi
Cemerlang	25-30	Idea relevan dengan tugasan. Huraian idea jelas, menarik dan matang. Contoh sesuai.
Kepujian	20-24	Idea relevan dengan tugasan. Huraian idea jelas, menarik. Contoh sesuai.
Baik	13-19	Idea masih relevan dengan tugasan. Huraian idea masih jelas dan masih menarik. Contoh masih sesuai.

Memuaskan	6-12	Idea kurang relevan dengan tugasan. Huraian idea kurang jelas dan kurang menarik. Tiada contoh atau kurang sesuai.
Penguasaan Minimum	1-5	Keseluruhan jawapan calon menggambarkan penguasaan kemahiran menulis yang lemah. Tidak menjawab tugasan atau karangan tidak menepati kehendak soalan/terpesong.

Yang berikut merupakan contoh penandaan idea karangan berdasarkan skema penandaan idea yang digunakan dalam kajian ini.

Petunjuk:	Simbol	Bilangan markah
Markah Penuh:		30 markah
Markah Isi:Isi	ISI	5 markah bagi satu isi x 3 isi=15 markah
Markah Huraian (H) dan Contohan (C)	H + C	5 markah bagi huraian dan contohan lengkap

MODEL PDP BAHASA MELAYU BERDASARKAN PENDEKATAN AUTENTIK

Elemen Autentik yang Dimasukkan dalam Modul

Dalam kajian ini, pendekatan pembelajaran autentik Herrington dan Herrington (2007) akan digunakan sebagai panduan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang autentik. Sembilan pendekatan tersebut seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2 Sembilan Elemen dan Aktiviti Cadangan Pembelajaran Autentik dalam Pengajaran dan pembelajaran Bahasa

Bil	Elemen	Proses Pengajaran dan Pembelajaran
1	Konteks pembelajaran	Sediakan konteks yang autentik bagi membolehkan pengetahuan digunakan dalam konteks yang sebenar.
2	Tugasan dan aktiviti autentik	Wujudkan tugasan dan aktiviti pembelajaran yang autentik: relevan dengan dunia sebenar, tugasan yang kompleks yang perlu diselesaikan dalam satu tempoh masa yang tertentu.
3	Pakar atau pelaku	Libatkan pakar atau pelaku sebenar bagi mendedahkan pelajar terhadap sesuatu perkara yang baharu kepada diri mereka.
4	Kepelbagai perspektif	Sediakan pembelajaran yang menggalakkan berlakunya kepelbagai dalam membuat perspektif dan peranan.
5	Bekerjasama	Bekerja sama membangunkan pengetahuan.
6	Aktiviti refleksi	Galakkan aktiviti membuat refleksi.
7	Proses artikulasi	Galakkan proses artikulasi.
8	Latihan atau perancah	Sediakan latihan dan perancah atau sokongan pengajaran (<i>scaffolding</i>) ketika diperlukan.
9	Penilaian autentik	Galakkan penggunaan penilaian autentik dalam semua tugasan.

Dalam kajian ini, beberapa elemen digunakan dalam setiap langkah pengajaran berdasarkan kesesuaian. Jadual 3 menunjukkan penggunaan elemen tersebut dalam PdP Bahasa Melayu di bilik darjah.

Jadual 3 Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Berdasarkan Pendekatan Autentik

Tajuk: Kemahiran Bahasa:	Kesan Buli Kemahiran menulis karangan fakta			
Bahan:	1. Keratan akhbar (bercetak atau online (<i>Berita Harian Online</i> dan <i>Utusan Online</i> bertarikh 7 September 2016 2. Petikan video daripada <i>You Tube</i> .			
Langkah Pengajaran Induksi Set	Isi Pelajaran Fenomena “Buli” dalam kalangan remaja”	Elemen Autentik Konteks yang autentik	Aktiviti Pelajar membaca berita atas talian...atau menonton video tentang “Buli” bagi mewujudkan konteks pembelajaran	Catatan Bahan Pembelajaran: Keratan akhbar atau video tentang “Buli”
Langkah 1	Punca kejadian <i>buli</i> dalam kalangan pelajar	Pandangan pakar/tokoh	Bincangkan pandangan pakar /tokoh/dsn tentang punca dan faktor kejadian <i>buli</i> di sekolah dan dalam kalangan remaja.	<ul style="list-style-type: none"> • Keratan akhbar atau sedutan temu ramah pakar tentang isu mengatasi kenaikan harga barang • Ceramah pakar • kertas majung • slide Atau <ul style="list-style-type: none"> • media sosial
Langkah 2	Cara mengatasi buli	Pelbagai perspektif dan perbezaan pandangan/ Artikulasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan aktiviti <i>forum, dialog, diskusi</i> dsb bagi megatasi masalah <i>buli</i> dalam kalangan remaja Atau <ul style="list-style-type: none"> • Pertembangan umum bagi mempertahankan sesuatu idea. Atau <ul style="list-style-type: none"> • Komen tentang sesuatu isu melalui media atas talian seperti <i>twitter, facebook</i> dsb. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahan sokongan untuk menulis karangan
Langkah 3	Penulisan karangan tentang <i>Cara-cara mengatasi masalah buli dalam kalangan remaja.</i>	Latihan dan Sokongan Pengajaran (<i>Scaffolding</i>)	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar diberi peluang menulis esei mereka sendiri • Guru membantu pelajar membetulkan penulisan mereka. • Guru memberi bahan sokongan yang berupa artikel atas talian, bahan cetakan dan sebagainya sebagai panduan kepada pelajar membetulkan kesalahan mereka sendiri. 	
Penutup	Penilaian pembelajaran	Penilaian Autentik	Menilai kembali pelajaran lalu dengan: <ul style="list-style-type: none"> • membuat refleksi • soal jawab • luahan perasaan • (pilih mana-mana aktiviti yang sesuai) 	

Pelaksanaan Modul

Lima modul pengajaran secara autentik dalam penulisan karangan digunakan dalam kajian ini. Kelima-lima modul ini dilaksanakan dalam kumpulan rawatan. Kelima-lima modul ini dilaksanakan berdasarkan penyerapan elemen autentik yang di nyatakan di atas. Kelima-lima modul ini telah dirintis di sebuah sekolah di daerah Batang Padang sebelum kajian sebenar dijalankan. Sekolah rintis dipilih berdasarkan kesamaan ciri dengan sekolah lapangan.

Kelima-lima modul ini dijalankan berdasarkan penyerapan sembilan eleman pengajaran dan pembelajaran autentik. Jadual 4 menunjukkan bilangan modul, tajuk karangan, elemen yang diterapkan dan jadual pelaksanaan modul ini.

Jadual 4 Penggunaan Sembilan Elemen dalam Modul Pengajaran

Modul	Tajuk Karangan	Elemen Autentik	Tarikh Pengajaran
Modul 1	Kenaikan Harga Barang	<ul style="list-style-type: none"> • Pelbagai perspektif dan perbezaan pandangan/ Artikulasi • Penilaian Autentik 	1/9/2016
Modul 2	Masyarakat gelandangan	<ul style="list-style-type: none"> • Pencapaian pakar • Pelbagai perspektif dan perbezaan pandangan 	5/9/2016
Modul 3	Penyalahgunaan Dadah	<ul style="list-style-type: none"> • Kolaborasi • Latihan dan Sokongan Pengajaran (<i>Scaffolding</i>) 	8/9/2016
Modul 4	Bincangkan cara-cara untuk menarik minat pelajar mempelajari bahasa Inggeris	<ul style="list-style-type: none"> • Artikulasi • Pandangan pakar 	19/9/2016
Modul 5	Kesan Buli	<ul style="list-style-type: none"> • Konteks yang autentik • Pandangan pakar/tokoh • Latihan dan Sokongan Pengajaran (<i>Scaffolding</i>) 	22/9/2016

Kelima-lima modul ini dijalankan oleh guru kelas yang menjadi responden dalam kajian ini. Guru ini diberi taklimat dan panduan untuk menjalankan modul ini. Satu pertemuan dan penerangan telah dijalankan seminggu sebelum modul ini dilaksanakan.

DAPATAN KAJIAN

Gred keseluruhan karangan pelajar

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian yang berikut, iaitu “Apakah tahap penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua secara keseluruhannya?”

Jadual 5 menunjukkan bahawa gred bagi karangan pelajar berubah dari ‘baik’ kepada ‘kepujian’ bagi kumpulan rawatan. Ini menunjukkan bahawa PdP penulisan karangan secara autentik dapat meningkatkan gred karangan pelajar Tingkatan Dua secara keseluruhannya. Dari aspek peningkaan kadar min, kumpulan rawatan meningkat sebanyak 2.56 berbanding hanya 0.26 dalam kumpulan kawalan. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya kadar min kumpulan rawatan meningkat dengan agak tinggi berbanding dengan min kumpulan kawalan.

Jadual 5 Tahap Penulisan Karangan Pelajar dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bgi Kumpulan Kawalan dan Rawatan

Kumpulan	Min Ujian Pra		Min Ujian Pasca	
	Min	Gred	Min	Gred
Kawalan	18.17	Baik	18.43	Baik
Rawatan/Eksperimen	18.28	Baik	20.84	Kepujian

Perbezaan Min yang Signifikan dalam Penulisan Karangan Pelajar

Bahagian ini pula akan menguji tiga hipotesis alternatif dalam kajian ini, iaitu:

1. Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan kawalan.
2. Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan kawalan dan eksperimen selepas pendekatan pengajaran secara autentik dilaksanakan.
3. Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan eksperimen selepas pendekatan pengajaran secara autentik dilaksanakan.

Jadual 6 menunjukkan hasil ujian hipotesis alternatif pertama, iaitu “Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan kawalan”.

Jadual 6 Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan

		Min	SD	Sig. (2 tailed)
Ujian Pra	N=30	18.17	1.82	0.000
Ujian Pasca	N=32	18.43	1.00	

(P<0.05)

Dalam Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor min Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi kumpulan kawalan ($p=0.000$). Skor min bagi Ujian Pra ialah 18.17, manakala skor min Ujian Pasca pula ialah 18.43. Dapatkan ini menunjukkan bahawa skor min bagi kedua-dua ujian, iaitu Ujian Pra dan Ujian Pasca mempunyai perbezaan yang signifikan bagi kumpulan kawalan. Hipotesis alternatif diterima.

Jadual 7 Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pasca bagi Kumpulan Kawalan dan Eksperimen

		Min	SD	Sig. (2 tailed)
Kumpulan Kawalan	N=30	18.43	1.00	0.000
Kumpulan Eksperimen	N=32	20.84	1.68	

(P<0.05)

Jadual 7 pula menunjukkan hasil ujian hipotesis alternatif kedua, iaitu “Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca penulisan karangan pelajar tingkatan dua bagi kumpulan kawalan dan eksperimen selepas pendekatan pengajaran secara autentik dilaksanakan”. Dalam Jadual 7, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pasca antara kedua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan rawatan ($p=0.000$). Skor min bagi kumpulan kawalan ialah 18.43, manakala skor min bagi kumpulan rawatan pula ialah 20.84. Dapatkan ini menunjukkan bahawa skor min dalam kumpulan rawatan secara signifikan lebih tinggi berbanding dengan skor min kumpulan kawalan. Ini

menunjukkan bahawa PdP pengajaran karangan secara autentik dalam kumpulan rawatan dapat meningkatkan skor min secara signifikan bagi kumpulan tersebut. Hipotesis alternatif diterima.

Jadual 8 pula menunjukkan hasil ujian hipotesis alternatif ketiga, iaitu “Terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penulisan karangan pelajar Tingkatan Dua bagi kumpulan eksperimen selepas pendekatan pengajaran secara autentik dilaksanakan”.

Jadual 8 Perbandingan Min bagi Skor Penulisan Karangan dalam Ujian Pra dan Ujian Pasca bagi Kumpulan Ekperimen

		Min	SD	Sig. (2 tailed)
Ujian Pra	N=30	18.28	1.57	0.000
Ujian Pasca	N=32	20.84	1.68	

($P<0.05$)

Dalam Jadual 8, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan atau eksperimen ($p=0.000$). Skor min bagi ujian pra ialah 18.28, manakala skor min ujian pasca pula ialah 20.84. Dapatkan ini menunjukkan bahawa skor min ujian pasca secara signifikan lebih tinggi berbanding dengan skor min ujian pra. Ini menunjukkan bahawa PdP pengajaran karangan secara autentik dapat meningkatkan skor min ujian pasca secara signifikan bagi kumpulan tersebut. Hipotesis alternatif diterima.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya gred atau skor karangan pelajar di sekolah kajian adalah berada pada tahap baik. Dapatkan kajian juga menunjukkan skor min karangan pelajar meningkat secara signifikan apabila pendekatan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis karangan secara autentik dijalankan. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa faktor guru dan pelajar itu sendiri turut membantu meningkatkan skor min karangan dalam kalangan pelajar.

Berdasarkan ujian yang dijalankan juga, terdapat bukti menunjukkan bahawa aktiviti PdP karangan secara autentik meningkat dengan sangat ketara, khususnya dalam ujian pasca dalam kumpulan eksperimen berbanding dengan kumpulan kawalan.

Dapatkan kajian juga mendapati skor min karangan pelajar dalam ujian pasca meningkat secara signifikan berbanding dengan skor min dalam ujian pra bagi kumpulan eksperimen. Ini juga menunjukkan bahawa aktiviti PdP kemahiran menulis berdasarkan pendekatan autentik dapat meningkatkan skor min secara signifikan.

Dapatkan kajian ini sejajar dengan kajian lalu yang turut menunjukkan bahawa pendekatan autentik dapat meningkatkan kemahiran berbahasa pelajar. Kajian Guo (2012) dan Mousavi dan Iravani (2012) terhadap keberkesanan penggunaan akhbar dan bahan dalam talian (*online*) turut menyokong kajian ini. Kajiannya mendapati penggunaan bahan bacaan autentik dapat meningkatkan kecekapan berbahasa Inggeris dalam kalangan pelajar murid.

Peningkatan kualiti karangan pelajar juga berlaku kerana penggunaan bahan yang bersifat autentik seperti akhbar, berita dan sebagainya dapat menarik minat pelajar dan seterusnya berupaya memperkaya kosa kata mereka. Dapatkan kajian ini disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Ghanbari, Esmaili dan Shamsaddini (2015).

Dapatkan ini turut disokong oleh dapatan soal selidik yang dijalankan terhadap pelajar selepas mereka selesai mengikuti aktiviti PdP karangan secara autentik ini. Dapatkan menunjukkan bahawa semua pelajar menyatakan bahawa pendekatan pengajaran karangan secara autentik mampu meningkatkan

pencapaian penulisan karangan mereka. Dapatan ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Akira (2013) dan Homei (2014) yang juga mendapati bahan autentik memberi kesan positif berbanding dengan penggunaan buku teks terhadap motivasi dan sikap pelajar.

Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa pendekatan ini dapat meninggalkan kesan dan pengaruh yang besar terhadap minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa. Dalam kajian ini, semua pelajar sangat setuju dan setuju dengan pernyataan bahawa penggunaan PdP karangan secara autentik memberi kesan dan pengaruh terhadap pencapaian penulisan karangan. Malah, mereka juga menyatakan bahawa pendekatan ini menimbulkan rasa selesa dan yakin untuk belajar di bilik darjah.

Dapatan ini sejajar dengan dapatan kajian yang dilakukan Zulkifli Osman (2013a), Zulkifli Osman (2013b), Mary Tan Mun Yee (2012) dan Akira (2013). Kajian mereka ini mendapati pembelajaran autentik dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian murid. Malah kajian Hazrati, Rosseni, Aidah, Helmi dan Analisa (2013) turut mendapati pembelajaran autentik dapat meningkatkan kreativiti pelajar.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa skor min karangan pelajar dalam ujian pasca bagi kedua-dua kumpulan, iaitu kumpulan kawalan dan rawatan atau eksperimen secara signifikan meningkat. Namun demikian, kadar peningkatan skor min karangan pelajar tersebut agak ketara dalam kumpulan rawatan berbanding dengan kumpulan kawalan.

RUJUKAN

- Abrams, S. S. dan Gerber, H. R. (2013). Achieving through the feedback loop: Videogames, authentic assessment, and meaningful learning. *English Journal*. 103 (1). hlm 95-103.
- Akira, S. (2013). Authentic or artificial materials: The effect of material-types on L2 motivation. *Chinese Jurnal of Applied Linguistics (Quarterly)*. 36 (4). hlm. 433-441.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. (2nd ed.). New York: Longman.
- Donovan, M. S., Bransford, J. D., & Pellegrino, J. W. (Eds.). (1999). *How people learn: Bridging research and practice*. Washington, DC: National Academy Press.
- Esfahandari, M. (2014). Task-based writing to improve young teenage learners' reading skills. *World Journal of English language*. 4 (1). hlm. 20-24.
- Ghaderpanahi, L. (2012). Using authentic aural materials to develop listening comprehension in the EFL classroom. *English Language Teaching*. 5 (6). hlm. 146-153.
- Ghanbari, N. (2015). The effect of using authentic material on Iranian EFL learners' vocabulary learning. *Theory and Practice in Language Studies*. 5 (12). hlm. 2459-2468.
- Gilmore, A. (2007). Authentic materials and authenticity in foreign language learning. *Lang. Teach.* Vol 40. hlm. 97-118.
- Grim, F. (2010) . Giving authentic opportunities to second langiage learners. A look at a Frech service-learning project. *Foreign language Annals*. 43 (4). hlm. 605-623.
- Guo, Shio-ching. (2012). Using materials for extensive reading to promote English proficiency. *English Language Teaching*. 5 (8). hlm. 196-206.
- Hazrati Husnin, Rosseni Din, Aidah Karim. Helmi Norman dan Analisa Hamdan (2013). Assesing authentic learning via storyboarding: A Malaysia perspective. *Asian Social Science*. 9(16). 46-53.
- Herrington, A. J. & Herrington, J. A. (2007). What is an authentic learning environment?. In L. A. Tomei (Eds.), *Online and distance learning: Concepts, methodologies, tools, and applications* (pp. 68-77). Hershey, PA: Information Science Reference.

- Homaei, S. (2014). A survey of Iranian EFL teachers' and learners' attitudes toward authentic listening materials at university level. *Modern Journal of Language Teaching Methods*. 4 (3). hlm. 116-136.
- Hussain Raja M. S. (2015). Relevance of authentic materials to the attention span of adult learners in English learners classes in Pakistan. *Journal of Inquiry*. 13 (2). hl. 53-73.
- Klipfel, K. M. (2014). Authentic engagement: Assessing the effects of authenticity on student engagement and information literacy in academic library instruction. *Reference Services Review*. 42 (2). hlm. 229-245.
- Littlewood, W. (1992). *Pengajaran bahasa secara komunikatif* (Terj. Juriah Long). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lombardi, M. M. (2007). *Authentic learning for the 21st Century: An overview*. Educause learning initiative. ELI paper 1.
- Mary Tan Mun Yee. (2012). Kesan penggunaan aktiviti "hands-on" dalam proses pembelajaran sains tahun empat. *Kertas kerja yang dibentang dalam Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL pada 27 & 28 September 2012*.
- Mousavi, S. A. dan Iravani, H. (2012). The effect of authentic versus non-authentic aural materials on EFL learners' listening comprehension. *English Language and Literature Studies*. 2 (1). hlm. 21-27.
- Muijs, D dan Renolds, D. (2011). *Effective teaching: Evidence and practice*. 3rd edition. New York: Sage Publications Ltd.
- Newmann, F., Secada, W., & Wehlage, G. (1995). *A guide to authentic instruction and assessment: Vision, standards and scoring*. Alexandria, VA: ASCD.
- Piaget, J. (1974). *To understand is to invent: The future of education*. New York: Grossman.
- Richards, J. C. (2001). *Curriculum development in language teaching*. Cambridge: Cambridge Universiti Press.
- Shrum, J. L., & Glisan E. W. (2005). *Teacher handbook: Contextualized language instruction*. (3rd ed.). Boston, MA: Thomson Heinle.
- Yunus Abidin. (2012). Model penilaian otentik dalam pembelajaran membaca pemahaman berorientasi pendidikan karektor. *Jurnal Pendidikan Karektor*. Vol. 2: hlm. 164-178.
- Zemelman, S., Daniels, H., dan Hyde, A. (2005). *Best practices: Today's standards for teaching & learning in America's School*. 3rd Edition. Portsmouth: Heinemann.
- Zoghi, M., Zardak, F. M., dan Kazemi S. A. (2014). The effect of authentic materials on vocabulary development. *International Journal of Language Learning and Applied Linguistics World*. 5 (4): hlm. 155-160.
- Zulkifley Hamid. (2005). *Penilaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zulkifli Osman. (2013a). Pembangunan modul pengajaran bahasa Melayu secara bersepada. *Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Zulkifli Osman. (2013b). Kebolehlaksanaan dan kebolehgunaan modul pengajaran bahasa berlandaskan pendekatan holistik. *Jurnal Pendeta*, Jilid 4, 202-230.